

Sains Sosial & Mengkaji Masyarakat Sendiri

oleh

AHMAD MURAD MERICAN

Profesor

Jabatan Pengurusan dan Ilmu Kemanusiaan

Universiti Teknologi PETRONAS

Perak

amurad_noormerican@petronas.com.my

[Dibentangkan di Seminar Kelestarian Penyelidikan Sains Sosial, anjuran ASASI dan SEFSI, Universiti Sains Malaysia 25 Jun 2009, Pulau Pinang]

Pengenalan

Dalam konteks mengurangkan pergantungan masyarakat kita yang kian beratus-ratus tahun menjadi penerima konsep dan pemikiran dari Eropah dan dunia Oksiden, perhubungan dengan beberapa buah masyarakat cendekiawan Asia dan bukan Barat mesti dilhat dari sudut strategik. Cendekiawan, ahli akademik, pendidik dan sarjana Malaysia hendaklah mula berdialog bukan hanya dikalangan kita sendiri dalam mengkritik dan mempersoalkan korpus sains sosial, tetapi juga di antara kita dan negara-negara seperti India, China, Jepun, serta di kalangan masyarakat cendekiawan di Asia Tenggara. Kita perlu berdialog – bukan saja dialog antara agama, tetapi dialog antara ilmu – apa yang dikatakan sebagai satu dialog ilmu atau sains manusia. Ini merangkumi semua bidang ilmu yang merentasi sains sosial dan manusia. Dalam hal ini misalnya, India amat menyerlah dalam melahirkan korpus ilmu yang menjadi alternatif

kepada konsep dan teori yang lahir daripada Eropah. India telah melahirkan ramai sarjana, cendekiawan dan ahli falsafah yang telah menerokai ilmu berlandaskan kepada perspektif *endogenous* dengan mengkaji permasalahan dan pengalaman *indigenous*. Dalam perbincangan kita, saya merujuk kepada perkembangan intelektual di India, dan pengukuran dan kesahihan kategori dan konsep yang kita gunakan untuk memahami masyarakat kita sendiri.

India dalam memahami dirinya

Terdapat wacana di India yang boleh disebut sebagai melalui kewujudan sains sosial autonomous. Malah India, dan para sarjananya telah menyambut baik maksud yang berkali-kali dianjurkan oleh sarjana kita Profesor Syed Hussein Alatas selama lebih dari tiga dekad. Tetapi, kita di Malaysia, di kalangan masyarakat sarjana sains sosial dan ilmu kemanusiaan amat sukar sekali membincang dan mengenalpasti bidang-bidang, konsep-konsep dan kategori-kategori yang bermasalah. Kita tidak menyoal kembali ilmu kita sendiri - seolah-olah ia dicipta dan telah wujud sejak azali.

Di Malaysia, terdapat segelintir sarjana yang mencetuskan wacana alternatif dalam pelbagai bentuk yang menjangkau seni dan sains. Hal ini memaklumkan kita akan proses transformasi landskap intelektual dan sejarah-sejarah kolektif. Kita kini sedang menhadapi satu masalah kerelevanan dan perhubungkaitan. Selain dari anak beranak Alatas – Allahyarham Syed Hussein Alatas dan anaknya Syed Farid, terdapat juga adik adik Syed Hussein, Syed Muhammad Naquib al-attas. Semua mereka dipetik dalam pelbagai tahap wacana akademik, politik, dasar dan budaya, dan dengan itu menjadi sebahagian daripada karya wacana alternatif dalam sains sosial dan kemanusiaan yang kian muncul dari dunia bukan Barat, mahupun di Barat sendiri. Malah, arus ilmu alternatif di Barat amat menyerlah sekali dalam karya-karya seperti Heidegger, Foucault, Habermas dan Rorty. Mazhab *Critical* mereka telah memperlihatkan asas-asas perspektif yang lahir dari Marcuse, Benjamin, dan Adorno. Di India, terdapat sarjana yang mempelopor kajian subaltern seperti Ranajit Guha. Yang lainnya

termasuk Ashish Nandy, Gyan Prakash, Gayatri Chakravorty Spivak, Shahid Amin, David Arnold, Gautam Badra dan Susie Tharu. Tidak salah menyatakan bahawa mereka ini diilhamkan oleh konsep-konsep intelektual yang dicetuskan oleh mendiang Edward W. Said, serta gerakan ‘pomo’ perancis yang terdiri dari Derrida, Lyotard, Baudrillard dan Lacan; serta Barthes, termasuk juga sarjana Inggeris yang menjadi sumber kepada kemunculan ‘Cultural Studies,’ E. P. Thompson.

Apa yang perlu ditekankan ialah kewujudan apa yang disebut sebagai *Subaltern Studies Group* atau *Subaltern Studies Collective* (Kumpulan Kajian Subaltern), sekumpulan sarjana Asia Selatan yang berminat dalam kajian masyarakat pasca-kolonial dan pasca-imperial di benua kecil itu dan di wilayah bukan Barat umumnya. Istilah Subaltern dalam konteks ini pada asalnya diilhamkan oleh sebuah esei oleh seorang Marxist Itali bernama Antonio Gramsci (1881-1937) yang membawa maksud sesiapa sahaja, orang perseorangan atau kumpulan yang mempunyai maqam atau kedudukan yang rendah akibat dari fenomena bangsa, kelas, orientasi jantina, etnisiti atau agama. Pendekatan kumpulan ini ialah sejarah daripada bawah, yakni menumpukan kepada apa yang berlaku di kalangan jelata berbanding dengan di kalangan elit.

Gagasan dan gugusan sains sosial Barat bukan universal

Dalam dunia dan wilayah geografi berbahasa Inggeris, di mana ramai migran penutur bukan Inggeris dari wilayah Oksiden yang bertutur bahasa German, Rusia dan Hungari menjadikan tempat mereka bermastautin, korpus dan kekayaan intelektual sains sosial telah menjadi lumrah. Ini disebabkan oleh migrasi intelektual sebelum Perang Dunia II sehingga selepas tahun-tahun 1950an. Ramai para cedikiawan yang aktif dan terkemuka datang dari negeri Jerman dan wilayah-wilayah Slavik – terutama sekali daripada masyarakat Yahudi. Dengan itu, para intelektual Melayu dan Islam di Malaysia, yang pada umumnya dilatih dan dididik di Barat, dan terutama sekali dunia penuturan Inggeris telah secara tidak kritikal, menerima dan akur kepada ‘ilmu’ tentang

dunia dan masyarakat. Mereka umumnya tidak mencabar wacana-wacana akademik yang diterima, serta juga kehidupan politik dan budaya yang diwarisi selama ini. Apa yang menyediakan ialah terdapat semacam ‘imitasi kebudak-budakan’ pada peringkat institusi dan epistemologi, sehingga kesarjanaan yang dijanakan dan yang dianggap sebagai benar tidak menhadapi cabaran secara langsung. Apabila tanah tidak dibajai, masakan ia akan subur? Ketidak subur tanah itu akan mengakibatkan ketandusan material dan bukan material. Inilah yang sedang berlaku apabila kita bergantung kepada sarjana dan kesarjanaan daripada masyarakat yang lebih maju.

Dalam masa dua ratus tahun, dan terutama sekali lima puluh tahun kebelakangan ini, kita lihat kemunculan wacana-wacana yang menilai kedhaifan tahap ilmu dalam bidang sains sosial dan manusia di dunia bukan Barat. Wacana-wacana tersebut menarik perhatian kita akan pelbagai masalah yang dapat dikenalpasti di bawah berbagai konsep, ekspresi dan pergerakan. Wacana tersebut menilai ilmu yang diperkenalkan di tanah-tanah jajahan, kerana ilmu yang ditanamkan itu tidak mengiktiraf latarbelakang sejarah dan keadaan sosial dan budaya masyarakat yang dijajah.

Sejurus selepas kebebasan politik, pergantung intelektual berdasarkan kepada konsep-konsep bekas kuasa-kuasa penjajah Amerika dan Eropah berterusan. Walaupun terdapat persetujuan akan ketidak hubungkaitan dan kerelevanan konsep-konsep yang diterima itu ke atas masyarakat-masyarakat yang telah dijajah, namun kewujudan berterusan korpus ilmu itu yang didapati dalam kurikulum universiti, silibus, pembacaan dan rujukan dalam artikel jurnal menampakkan bukti akan peraturan kasta dominan dalam permainan sains sosial Euro-Amerika. Dengan itu, apakah kita harus terus menyepi akan nasib kecendiakaan kita?

Pelbagai manifestasi masalah yang lebih besar ini dapat dikenalpasti sebagai kritik kolonialisme, imperialisme akademik, de-kolonialisasi (ilmu), Orientalisme,

dan Euro-centrisme. Alatas (2000a) melihat permasalahan ini dalam konteks perhubungan di antara bekas kuasa-kuasa penjajah Barat dan bekas tanah-tanah jajahan, termasuk masyarakat yang dijajah secara tidak langsung. Seterusnya pengiktirafan dan penilaian masalah-masalah tersebut menjurus kepada pelbagai gesaan, di antaranya mengaslikan sains sosial, de-schooling, kreativiti intelektual endogenous, satu tradisi otonomos sains sosial, ilmu pasca-kolonial, globalisasi, de-kolonialisasi, dan nasionalisasi sains sosial.

Apa yang didapati ialah dunia akademik sebagai imperialistik. Alatas menyamai imperialisme akademik dengan imperialisme ekonomi-politik. Imperialisme akademik dalam hal ini bermula pada zaman kolonial dengan terasasnya kawalan ke atas sekolah-sekolah, universiti dan badan-badan penerbitan oleh kuasa-kuasa penjajah di tanah jajahan. Dalam erti kata lain, kuasa imperial menakluk tanah-tanah jajahan mereka. Dengan itu, struktur politik dan ekonomik imperialisme menjana satu struktur yang sealiran dalam carfa berfikir masyarakat yang ditakluk. Persamaan ini dapat dirujuk kepada enam ciri yang berkaitan, yakni, eksplorasi, tutelage, ketundukan, peranan sekunder intelektual dan sarjana yang dijajah, rasionalisasi misi ketamadunan, dan bakat kecorotan para sarjana dari negara yang dijajah yang khusus dalam kajian masyarakat mereka sendiri.

Kini, dalam apa yang disebut sebagai zaman pasca-kolonial, kita dikuasai oleh fenomena neo-imperialisme akademik atau neo-kolonialisme akademik seperti yang terdapat pada monopoli Barat dalam mempengaruhi sifat dan pengaliran ilmu saintifik. Keadaan ini kekal walaupun kebebasan politik dicapai. Alatas merujuk konteks ini sebagai “kuasa” sains sosial. Kuasa sains sosial adalah Amerika Syarikat, Great Britain dan Perancis. Mengapa negara-negara tersebut disebut sebagai kuasa sains sosial adalah kerana mereka telah menjana jumlah penyelidikan sains sosial yang banyak dalam bentuk kertas-kertas saintifik dalam jurnal “peer-review,” buku dan kertas kerja dan kertas penyelidikan. Negara-negara tersebut juga mempunyai jangkauan idea dan makluamt yang luas, dan

berupaya mempengaruhi sains sosial negara-negara lain melalui kegunaan pemikiran dan idea yang berasal daripada Barat. Negara-negara tersebut juga mendapat pengiktirafan, penghormatan dan prestij dunia.

Monopoli dan pengaruh Barat ke atas sains sosial, termasuk bidang-bidang sosiologi, komunikasi dan pengajian media, bukan ditentukan oleh paksaan seperti mana dalam zaman penjajahan, tetapi ditentukan oleh keadaan pergantungan masyarakat akademik bukan Barat kepada sains sosial Barat. Umumnya, di kalangan masyarakat sains sosial bukan Barat, terdapat suatu dimensi psikologikal di mana sarjana yang bergantung itu merupakan penerima pasif agenda penyelidikan, kaedah dan idea daripada kuasa-kuasa sains sosial. Seperti yang dicerminkan dalam kritikan Edward Said terhadap orientalisme, terdapat semacam perasaan rendah diri intelektual terhadap Barat.

Bidang komunikasi dan kewartawanan terpinggir dari alam Melayu

Kita ambil satu contoh, yakni pengajian komunikasi di Malaysia (Merican, 2005) Bidang-bidang penyelidikan, buku dan jurnal yang digunakan dan diamalkan di kalangan fraterniti pengajian komunikasi di Malaysia mencerminkan pergantungan Barat. Ini jelas dilihat dalam kurikulum di universiti-universiti sehinggakan kekaburuan kuasa-kuasa sains sosial terhadap klasifikasi dan asas epistemologi bidang tersebut pun, seperti perbezaan di antara komunikasi dan media, dan pengajian budaya; pendidikan akademik dan latihan profesional; dan di antara teori dan amali. Jika ditinjau pelbagai dan kepelbagaian program komunikasi di universiti-universiti di Malaysia, kita dapati identiti bidang tersebut menampakkan suatu kekusutan dan ketidak tentuan. Korpus bidang komunikasi di Malaysia, malah di alam Melayu misalnya, tidak wujud dalam konteks pemikiran, jiwa dan budaya Melayu.

Penguraian Alatas (2000a) ke atas disiplin sains sosial amat berguna dalam menjelaskan keadaan pergantungan yang terdapat pada bidang komunikasi. Dalam hal ini, kita dapati pergantungan ini dapat digariskan dalam enam

dimensi. Dua antaranya ialah idea dan media. Dalam apa yang telah diperhatikan selama hampir empat dekad kajian komunikasi di Malaysia, kita boleh nyatakan beberapa faktor yang dilihat sebagai bermasalah. Pertama, kita bergantung idea tentang konsep dan kategori, malah sumber-sumber wacana tentang disiplin dan bidang kepada dunia Barat. Kedua, kita bergantung kepada media idea. Ini dapat dilihat dalam tanggapan profesor komunikasi Malaysia serta para profesor dalam sains sosial yang lain yang menganggap hanya jurnal antarabangsa sahaja dapat diterima. Jurnal-jurnal tempatan – walaupun berwasit – tidak mempunyai tahap piawai yang dikehendaki. Masalahnya kini ialah kita mengabaikan – tidak memberi sokongan, dimengiktiraf, dan tidak bekerjasama dalam menerbitkan jurnal yang berwasit.

Di Malaysia, penyelidikan dan ilmu pada tahap teori-meta, teori, empirikal dan kegunaan dalam komunikasi dan pengajian media berkiblat dan terbit dari Amerika Syarikat dan United Kingdom. Secara kasarnya, tidak ada teori-meta atau analisis teoretikal yang terbit dari dalam gagasan masyarakat kita sendiri selama lebih tiga dekad kewujudan pengajian komunikasi di Malaysia. Beberapa buah jabatan komunikasi telah mengambil dan membina satu perspektif yang amat behavioris dan positivis sehingga ia menyekat gugusan-gugusan lain dan tidak mengiktiraf bidang yang bersifat komunikasi jika ia ditempatkan dalam jabatan-jabatan lain. Mereka itu sebenarnya jumud. Itulah yang sedang terjadi pada kajian komunikasi di Malaysia seperti yang terlihat di beberapa buah universiti yang terletak di Lembah Kelang – dan universiti-universiti tersebut diiktiraf oleh kumpulan sains sosial yang begitu dogmatik sekali sehingga mereka banyak mempengaruhi pemikiran sains sosial dan kajian komunikasi di lain-lain universiti baru yang memulakan program komunikasi. Apakah ini inovasi? Mengapa kita perlu begitu eksklusif sehingga buta kepada alam nyata?

Perdebatan teoretis disepikan. Walaupun terdapat beberapa usaha mencetuskan perdebatan tersebut, ia tidak langsung membawa kepada keghairahan intelektual. Walaupun terdapat jumlah hasil kajian empirikal yang agak

signifikan, ia sekadar menyahut idea dan agenda daripada jurnal-jurnal terbitan Amerika atau Britain seperti *Journal of Communication*, *Media Culture and Society*, *Critical Studies in Mass Communication*, *Journalism and Mass Communication Quarterly* dan *Journal of Communication Inquiry*. Jurnal-jurnal akademik seperti *Jurnal Komunikasi* dan *Jurnal Pengajian Media* yang masing-masing diterbitkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya juga mencerminkan pergantungan ke atas kuasa-kuasa sains sosial seperti yang terlihat dalam bentuk kajian dan penyiasatan, serta senarai lembaga sidang redaksi atau para penasihat.

Asal usul projek penyelidikan dikonsepsualisikan di Barat, atau oleh para sarjana pelawat yang disangkutkan pada jabatan-jabatan pengajian komunikasi dan media. Kajian-kajian yang dijalankan amat cenderung kepada kepada penyiasatan empirikal keatas masyarakat dan budaya nasional. Jarang sekali kita dapat para sarjana Malaysia mengkaji sistem media, budaya dan masyarakat di luar Malaysia, misalnya persekitaran media di Nusantara atau Asia, apatah lagi di dunia Barat. Yang anihnya, ramai daripada mereka telah melalui pengajian tinggi, sama ada peringkat sarjana atau doktor falsafah di Barat; dan tesis mereka bertumpu kepada pengajian masyarakat mereka sendiri, atas nasihat dan kerangka pemikiran penyelia mereka, yang lazimnya telah mempunyai sedikit sebanyak mengenali masyarakat Melayu, Malaysia atau Asia. Dengan itu, ilmu tentang diri kita sendiri diketahui dan difahami dari perspektif Barat.

Ilmu kolonial dalam mengukur pemikiran dan peradaban Melayu

Apa yang ketara ialah pengekalan kaedah kolonial dalam penjanaan ilmu yang memperlihatkan satu perhubungan kuasa yang tidak seimbang di antara sains sosial di Barat dan yang terdapat di dunia bukan Barat. Ini dapat diperjelaskan dalam pemerhatian ke atas pembahagian tenaga global dalam sains sosial, yang dari segi sejarahnya merupakan akibat secara langsung daripada kolonialisme akademik dan pergantungan. Keadaan ini juga berfungsi mengekalkan neo-

kolonialisme akademik dan pergantungan. Ciri-ciri pembahagian tenaga ini ialah seperti pembahagian dan pemisahan di antara tenaga intelektual teoretis dan empiris, dan di antara kajian negara lain dan kajian negara sendiri (Alatas, 2000). Selain daripada menilai semula status pengeluaran ilmu, terutama oleh dunia bukan Barat, tema-tema yang muncul dalam wacana pasca kolonial di Malaysia harus diberi perhatian segera. Keadaan ini perlu dikaji, diselidiki semula dan diberi konteks yang relevan. Penubuhan Institut Kajian Oksidental (IKON) di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1 Oktober 2003, yang merupakan satu “milestone” dalam sejarah intelektual Malaysia adalah satu-satunya usaha yang perlu menjurus kepada menangani keadaan ini. Penubuhan IKON di antaranya, mempunyai ramifikasi ke atas penyusunan dan pengklasifikasian semula korpus ilmu. Usaha tersebut juga perlu membawa kita kepada apa yang kita tahu, dan bagaimana kita mengetahui kebenaran sesuatu.

Kebelakangan ini, satu tema yang mula wujud dalam wacana pada peringkat akademik dan advokasi di Malaysia ialah tentang ilmu kolonial. Para Sarjana seperti Shamsul Amri Baharuddin dan Mohd. Hazim Shah telah menjelaskan maksud dan implikasi ilmu kolonial ini keatas epistemologi dan identiti masyarakat yang menjurus kepada bagaimana kita menjalankan kehidupan budaya, politik dan ekonomi. Perbincangan mereka dapat kita juruskan kepada sains sosial dan ilmu kemanusiaan termasuk pengajian komunikasi, kerana pada satu tahap ia melibatkan dimensi intelektual, dan pada tahap yang lain, ial melibatkan dimensi institusi pengeluaran budaya dan pemikiran. Malah kembali kepada persoalan yang maksudkan oleh tajuk kertas kerja ini, bagaimanakah dapat kita mengkaji masyarakat sendiri dengan menggunakan epistemologi sains sosial yang ada kini.

Persoalan itu saya ingin kaitkan dengan cadangan yang saya ajukan dalam pembentangan di Persidangan Meja Bulat Mendefinisikan Peradaban Melayu di Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris bulan November tahun lalu. Pada persidangan itu, saya telah menyarankan bahawa bagi

mendefinisikan peradaban Melayu, malah gugusan ilmu sains sosial dan iomu kemanusiaan, kita perlu merombak acuan pemikiran kita tentang beberapa konsep dan kategori dalam korpus ilmu yang ada. Saya telah menggesa bahawa takrif ‘peradaban’ itu bertitik tolak dari luar lingkaran ilmu kolonial, dan sejarahm, yang mendominasikan pemikiran tentang ilmu, identiti diri kita sendiri. Malah kategori *sains sosial* itupun hendaklah kita nilai semula dari luar lingkaran Oksidental, sejarah dan Rasionaliti Eropah moden.

Sains sosial setakat ini tidak berupaya menjurus kepada mengenali entiti Melayu dan keMelayuan itu. Jika sains sosial meletakan rasionaliti dan konsep minda di atas mercu yang paling tinggi dalam peradaban dan kewujudan manusia, sambil meminggirkan konsep agama sebagai sebahagian dari institusi buatan manusia, bagaimanakan dapat kita mengenali masyarakat kita dan masyarakat Islam? Dalam usaha kita menjiwai identiti dan sejarah masyarakat, saya ingin menjurus kepada memahami dan merungkai ilmu kolonial (lihat Cohn, 1996), dan pemikiran tertawan (lihat S.H. Alatas, 1972). Ini adalah dua konsep yang sering diabaikan dalam kesarjanaan Melayu dan umumnya di Malaysia, serta dirantau bukan Barat yang lain.

Kedua-dua konsep ini saling memaklumkan. Pemikiran tertawan merupakan manifestasi kepada konsep dan amalan ilmu kolonial, yang merupakan sebahagian dari gugusan Orientalisme dan perspektif Eurocentrisme. Dengan itu, pemikiran tertawan dapat disifatkan sebagai suatu cara berfikir yang diacuankan oleh pemikiran Oksiden dalam bentuk ikutan dan ajukan. Keadaan ini merangkumi semua tahap aktiviti kesarjanaan yang memberi kesan kepada keupayaan kita mengenalpasti masalah dan permasalahan, serta kerja-kerja abstraksi, konsepsualisasi, dan pentafsiran.

Rasionaliti dan minda dijadikan asas pengukuran kepada kefahaman kita terhadap Sejarah, Kesusastraan, dan Sains Sosial, dan pembangunan. Dan ini

mempunyai implikasi kepada takrif diri sendiri, Islam, dan idea dan amalan identiti. Semua ini merupakan konsep yang problematik.

Asal-usul dan penerbitan ilmu sains sosial kolonial di Malaysia

Bil.	Lokasi Penghasilan/ Pembentukan Epistemologi	Penjana Konsep	Produk Dasar dan ilmiah	Produk Popular/pengembara ngan Pengeluaran/pener bitan semula ilmu
1.	Jabatan-jabatan kerajaan kolonial	Pegawai dan pentadbir Sarjana-pentadbir	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan Banci • Peta • Ukur tanah • Laporan/pemerhatian sosial/lapangan • Minit mesyuarat 	<ul style="list-style-type: none"> • Kesedaran masyarakat • Amalan identiti • Amalan kewarganegaraan
2.	Translation Bureau, Sultan Idris College	<ul style="list-style-type: none"> • Pegawai pendidik British • Pegawai pendidik Melayu 	Buku teks maktab dan sekolah	<ul style="list-style-type: none"> • Epistemologi dan pedagogi • Bahan pengajaran • Soalan peperiksaan
3.	Orang perseorangan	Individu	JMBRAS Buku diari	<ul style="list-style-type: none"> • Media massa • Amalan kewarganegaraan • Amalan identiti
4.	Ekspedisi saintifik/perdagangan	Pengembara, saintis, sarjana, pentadbir	Makalah jurnal buku	<ul style="list-style-type: none"> • Media massa • Amalan kewarganegaraan • Amalan identiti
5.	Institut kajian dan Penyelidikan <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pengajian Melayu • Akademi Pengajian Melayu • Institut Alam dan Tamadun Melayu • Institut Peradaban Melayu (UPSI) • Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA-UKM) • Institut Kajian Oksidental (IKON-UKM) • Jabatan sosiologi/antropologi/ekonomi/komikasi/pembangunan/sejarah, dll 	Sarjana	JMBRAS Makalah jurnal Buku	<ul style="list-style-type: none"> • Media massa • Amalan kewarganegaraan

*Disesuaikan dan dikembangkan dari Mohd. Hazim Shah, 2003.

Dengan mengenalpasti permasalahan tersebut, bagaimanakah seterusnya dapat kita mengkaji kewujudan peradaban Melayu misalnya? Perlu diingkat bahawa peradaban Melayu juga dicipta dan dibentuk dari perspektif luar, bagi tujuan-tujuan pengkajian dan strategik.* Dengan itu, beberapa konsep dan kategori perlu dirongkai dalam usaha membina gugusan dan gagasan peradaban dan masyarakat Melayu. Konsep utama ialah sejarah dan persejarahan, serta geografi, yakni - ruang, masa dan tempat, yang menentukan takrif peradaban dan Melayu itu. Ini menjurus kepada konteks masa dan ruang sejarah seperti berikut:

- Perspektif dan wacana alternatif
- Orientalisme
- Oksidentalisme
- Eurocentrisme

Beberapa cabaran sebagai kesimpulan

Selama ini, sains sosial dan ilmu kemanusiaan di Malaysia telah ketandusan epistemologi yang relevan. Sebagai kesimpulan, saya ingin menimbulkan satu cabaran yang membentuk kefahaman kita tentang Melayu, peradaban dan peradaban Melayu.

Umumnya, kajian dan kurikulum sains sosial di Malaysia terasing daripada pengajian alam Melayu. Perkara ini amat kritikal dalam kita memahami unsur-unsur empirisme dan objektiviti seperti yang terdapat dalam korpus sains sosial itu sendiri. terutama sekali dri aspek penulisan kewartawanan. Kajian kurikulum dan pengajaran sains sosiak mengandaikan *minda yang rasional*. Ini sekaligus memisahkan kita dengan kewujudan alam tabii Melayu dan manusia Melayu itu sendiri; lalu seterusnya disogokan bahawa manusia (termasuk Melayu) memiliki dua asas minda – minda rasional, dan tidak rasional. Apakah *minda rasional* itu

Seterusnya, saya telah mendekati takrif peradaban Melayu merangkumi yang konkret dan yang abstrak. Dimensi konkret dapat diertikan sebagai ruang dan tempat – wilayah geografi. Manakala dimensi abstrak agak problematik jika kita melihatnya terasing daripada yang konkret. Kedua-dua dimensi berganding dalam satu aliran yang kompleks yang bertindih dalam ruang dan masa dengan peradaban-peradaban lain seperti India dan Barat. Malah, sejarah dan budaya – sebahagian dari peradaban Melayu merupakan sebahagian dari sejarah dan peradaban Barat, dan sebaliknya.

merupakan kewujudan sedar dalam epistemologi Melayu? Apakah *minda* itu sendiri satu kategori yang relevan dalam kita memahami Melayu? Dan jika *budi, jiwa, rasa, rupa, dan akal* – lima ciri yang mentakrifkan Melayu itu digunakan, ia juga digunakan dalam konteks dan takrif minda yang rasional. Minda rasioinal mempunyai konotasi logik dan sejarah Rene Descartes, hasil dari kegawatan sejarah, kepercayaan dan pemikiran Eropah lebih kurang 400 tahun lalu. Apakah Melayu pernah melalui kegawatan budaya dan pemikiran dan seterusnya diikuti oleh zaman pencerahan yang didasari logik dan rasionaliti yang begitu hebat dan gagah sekali mentakrif pemikiran dunia? Jika kita mengukur budi dengan menggunakan kayu pengukur minda, maka kayu ukur yang kita gunakan dan apa yang iukur itu tidak betul.

Dengan itu, saya mengambil kesempatan mencadangkan beberapa langkah ke arah menilai semula sains sosial seperti yang difahami dan diamalkan di Malaysia:

1. Meniliti kembali struktur, falsafah dan sejarah sains sosial sebagai satu disiplin dalam konteks manusia dan alam Melayu. Dengan itu menerbit dan membentuk semula struktur epistemologi Sosiologi, Ekonomi, Komunikasi, Sejarah, dll. Dan juga merungkai Antropologi sebagai satu kajian yang meruopakan saluran kepada kolonialisme dan imperialisme.
2. Mengurangkan pergantungan kepada kuasa-kuasa sains sosial dengan menulis dan menerbitkan semula buku dan karya-karya klasik dalam sains sosial dan ilmu kemanusiaan, dengan merangkumi pemikir bukan Barat.
3. Mulakan dialog di antara pada sarjana Malaysia dengan sarjana Asia yang lain merentasi sains sosial dan ilmu kumanusiaan.
4. Konsep seperti minda, kaum, bangsa, kerajaan, budaya, budi, jiwa, rasa dan rupa mesti dinilai semula.

5. Merombak kurikulum dan pengajaran sains sosial di universiti-universiti tempatan

Rujukan

- Alatas, S.F. (2000a). Academic dependency in the social sciences: Reflections on India and Malaysia. *American Studies International* 38 (2): 80-96.
- _____. (2000b). An introduction to the idea of alternative discourses. *Southeast Asia Journal of Social Science* 28 (1): 1-12.
- Cohn, Bernard S. (1996). *Colonialism and its Forms of Knowledge*. Princeton: Princeton University Press.
- Merican, A.M.(2008).Mendefinisikan Peradaban Melayu. Pembentang di Persidangan Meja Bulat 'Mendefinisikan Peradaban , Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris Melayu, Tanjung Malim, 28 November 2008.
- _____. (2005) *Media History: Worldviews and Communication Futures*. University of Malaya Press
- Mohd. Hazim Shah (2003). Epistemologi Kolonial: Analisis Ciri dan Kesannya. *Melayu: Jurnal Anmtarabangsa Dunia Melayu* 1 (2): 70-92.